KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Berita Harian |
| TAJUK | Teguran terhadap TH perlu disusuli tindakan bertanggungjawab |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/4knh96uh |

# Teguran terhadap TH perlu disusuli tindakan bertanggungjawab - Zahid

BERNAMA - Ogos 11, 2026 @ 10:25pm



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. - NSTP

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata setiap teguran membina terhadap Lembaga Tabung Haji (TH) perlu disusuli dengan tindakan yang penuh bertanggungjawab.

Beliau berkata langkah itu bagi memastikan institusi besar umat Islam ini terus kukuh, diyakini dan tidak lagi dibelenggu dengan polemik yang berpanjangan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata ruang telah dibuka untuk setiap persoalan dibahaskan, diperjelas dan dirungkai dengan sebaik-baiknya oleh Ahli-Ahli Parlimen pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat berkaitan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai TH di Dewan Rakyat, hari ini.

"Mudah-mudahan selepas ini, tiada lagi pihak yang memilih untuk melemparkan tuduhan keterlaluan atau membina persepsi tanpa bersandarkan kebenaran," katanya menerusi hantaran di Facebook, malam ini.


KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Harian Metro |
| TAJUK | Teguran terhadap TH perlu disusuli tindakan bertanggungjawab |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/5n7ydp26 |

# Teguran terhadap TH perlu disusuli tindakan bertanggungjawab - Ahmad Zahid

BERNAMA




Logo Lembaga Tabung Haji di Menara TH Tun Razak. FOTO Arkib NSTP

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata setiap teguran membina terhadap Lembaga Tabung Haji (TH) perlu disusuli dengan tindakan yang penuh bertanggungjawab.

Beliau berkata langkah itu bagi memastikan institusi besar umat Islam ini terus kukuh, diyakini dan tidak lagi dibelenggu dengan polemik yang berpanjangan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata ruang telah dibuka untuk setiap persoalan dibahaskan, diperjelas dan dirungkai dengan sebaik-baiknya oleh Ahli-Ahli Parlimen pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat berkaitan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai TH di Dewan Rakyat, hari ini.

"Mudah-mudahan selepas ini, tiada lagi pihak yang memilih untuk melemparkan tuduhan keterlaluan atau membina persepsi tanpa bersandarkan kebenaran," katanya menerusi hantaran di Facebook, malam ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | The Rakyat Insight |
| TAJUK | Sudah tiba masa isu Tabung Haji dirungkai, bukan dipolemikkan |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/mrxws37m |




KUALA LUMPUR: Setiap teguran membina terhadap Lembaga Tabung Haji (TH) perlu diterjemahkan kepada tindakan yang bertanggungjawab, bukannya terus dijadikan bahan polemik berpanjangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pendekatan itu penting bagi memastikan institusi yang menjadi amanah besar umat Islam berkenaan terus kukuh, dipercayai dan mampu berfungsi demi kepentingan jemaah serta rakyat. Cawangan Eksekutif

Menurut beliau, ruang untuk membahaskan dan memperjelas segala persoalan berkaitan TH sudah diberikan menerusi Mesyuarat Khas Dewan Rakyat yang berlangsung hari ini, susulan pembentangan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai institusi berkenaan.

Katanya, segala persoalan, teguran dan penemuan wajar dibincangkan secara matang agar isu berhubung TH dapat dirungkai berdasarkan fakta dan bukti.

"Mudah-mudahan selepas ini, tiada lagi pihak yang memilih untuk melemparkan tuduhan keterlaluan atau membina persepsi tanpa bersandarkan kebenaran," katanya menerusi hantaran di Facebook malam ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | BERNAMA |
| TAJUK | Teguran terhadap TH perlu disusuli tindakan bertanggungjawab |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/2n3z33d9 |

AM > BERITA

# Teguran Terhadap TH Perlu Disusuli Tindakan Bertanggungjawab - Ahmad Zahid

11/08/2026 10:27 PM



Kredit : FB Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata setiap teguran membina terhadap Lembaga Tabung Haji (TH) perlu disusuli dengan tindakan yang penuh bertanggungjawab.

Beliau berkata langkah itu bagi memastikan institusi besar umat Islam ini terus kukuh, diyakini dan tidak lagi dibelenggu dengan polemik yang berpanjangan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata ruang telah dibuka untuk setiap persoalan dibahaskan, diperjelas dan dirungkai dengan sebaik-baiknya oleh Ahli-Ahli Parlimen pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat berkaitan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai TH di Dewan Rakyat, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | BERNAMA |
| TAJUK | Pasaran Getah Kuala Lumpur ditutup tinggi seiring kenaikan niaga hadapan serantau |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/52tcv2ss |




PASARAN • 11/08/2026 06:00 PM

# Pasaran Getah Kuala Lumpur Ditutup Tinggi Seiring Kenaikan Niaga Hadapan Serantau

**Oleh Nur Athirah Mohd Shaharuddin**

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Pasaran getah Kuala Lumpur ditutup tinggi pada Selasa berikutan kenaikan dalam niaga hadapan getah serantau dan harga minyak mentah yang lebih kukuh, kata seorang peniaga.

Beliau berkata sentimen pasaran turut disokong oleh data ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang positif dan hasrat China untuk mengukuhkan sokongan kewangan bagi penggunaan domestik.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | HOT fm |
| TAJUK | Sebanyak 628 perkampungan Orang Asli di seluruh negara disasarkan mempunyai klinik kesihatan yang dinaik taraf |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/mr3ujzfd |

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | KLASIK fm |
| TAJUK | Sebanyak 628 perkampungan Orang Asli di seluruh negara disasarkan mempunyai klinik kesihatan yang dinaik taraf |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/58yysuw8 |

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | NASIONAL fm |
| TAJUK | Pindaan Akta Orang Asli 1954 diharap dapat dibentangkan di Dewan Rakyat pada hujung tahun ini |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3akesbaz |

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | TRAXX fm |
| TAJUK | All 628 Orang Asli villages nationwide are targeted to have health clinics upgraded or established by 2035 |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/42rtu4te |

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | TV1 |
| TAJUK | Perkasa klinik kesihatan komuniti: 628 kampung Orang Asli disasar naik taraf menjelang 2035 |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3rr8f5vu |

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Daily Express |
| TAJUK | 628 Orang Asli villages to get upgraded health clinics |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/2h2j56dx |

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA**<br>**12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Daily Express |
| TAJUK | 628 Orang Asli villages to get upgraded health clinics |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/2h2j56dx |

# 628 Orang Asli villages to get upgraded health clinics

GERIK: All 628 Orang Asli villages nationwide are targeted to have health clinics upgraded or established by 2035 to strengthen healthcare facilities for the community, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

Ahmad Zahid, who is also Rural and Regional Development Minister, said although there were budgetary constraints, the initiative could be implemented through cooperation between the Health Ministry (MoH) and the Department of Orang Asli Development (JAKOA).

"There are already clinics in some areas, but we hope that, in addressing healthcare needs, we must provide services to them because they are also Malaysian citizens who are entitled to the best healthcare services. – Bernama

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Suara Sarawak |
| TAJUK | RISDA beli 8,328 tan getah, Sarawak sumbang 183 tan |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/y3a9jt4p |

# RISDA beli 8,328 tan getah, Sarawak sumbang 183 tan



Rubiah (duduk, tengah) merakamkan gambar kenangan pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026.

KUCHING: Sebanyak 8,328 tan metrik hasil getah pekebun kecil berjaya dibeli menerusi inisiatif Pembeli Getah Utama (Anchor Buyer) RISDA di seluruh negara setakat 31 Julai lalu.

Daripada jumlah itu, Sarawak menyumbang kira-kira 183 tan metrik, dengan Betong dan Samarahan antara kawasan mencatat pembelian tertinggi masing-masing sebanyak 66.22 tan metrik dan 61.10 tan metrik.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Rubiah Wang berkata, pencapaian itu membuktikan inisiatif berkenaan mula memberi ruang pemasaran yang lebih tersusun kepada pekebun kecil.

Katanya, peningkatan pengeluaran getah perlu bergerak seiring dengan saluran pemasaran yang cekap supaya pekebun kecil mendapat pulangan yang lebih baik.

"Melalui pendekatan ini, RISDA bukan sahaja membeli hasil getah, malah menghubungkan pekebun kecil dengan ekosistem pemasaran yang lebih cekap agar urusan jualan lebih telus, bayaran lebih cepat dan harga yang diterima lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak di sini, hari ini. Turut hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW, Datuk Dr Roslan Mahmood dan Ketua Pengarah RISDA, Zainal Azni Zulkifli.

Beliau berkata inisiatif Anchor Buyer yang dilaksanakan RISDA Plantation Sdn Bhd bertujuan mewujudkan sistem pengumpulan dan pemasaran hasil getah yang lebih teratur, telus serta berdaya saing.

Katanya, pendekatan itu bukan sekadar membolehkan RISDA membeli hasil getah, malah menghubungkan pekebun kecil dengan ekosistem pemasaran yang lebih cekap bagi memastikan urusan jualan lebih telus, bayaran lebih cepat dan harga diterima lebih baik.

"Apabila operasi pengumpulan dilaksanakan dengan cekap dan pekebun kecil memberikan sokongan, manfaatnya dapat dirasai bersama," ujarnya.

Rubiah turut menggalakkan pekebun kecil memasarkan hasil secara berkumpulan kepada RISDA selain memastikan kualiti hasil kebun sentiasa dijaga.

Katanya, hasil berkualiti dalam skala besar dapat membantu mengurangkan kos, melancarkan proses pemasaran serta meningkatkan nilai hasil.

Beliau berkata RISDA juga menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong kelancaran pemasaran, termasuk jalan pertanian untuk memudahkan hasil getah dibawa keluar dari kebun ke pusat pengumpulan dan pemasaran.

Dalam pada itu, Rubiah mahu RISDA menilai potensi pembangunan kemudahan pemprosesan getah di Sarawak bagi menyokong sektor huluan dan hiliran, memperkukuh rantaian nilai serta membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

Katanya, Sarawak tidak seharusnya bergantung kepada penjualan bahan mentah semata-mata kerana aktiviti pemprosesan dan pembangunan industri hiliran berpotensi mewujudkan lebih banyak nilai, peluang pekerjaan serta pendapatan.



Rubiah memukul gong tiga kali menandakan simbolik perasmian Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026.



Rubiah (kanan) menyampaikan Anugerah Pengeluaran Getah Terbaik Pekebun Kecil (Individu) pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>12 OGOS 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Sinar Harian |
| TAJUK | MARA pecah 'kartel' kontrak dewan selera MRSM |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/yc56r3dj |

# Mara pecah 'kartel' kontrak dewan selera MRSM

**KUALA LUMPUR** - Aduan berkaitan kualiti makanan di dewan selera Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) kini semakin berkurangan selepas tindakan tegas diambil bagi memecahkan kumpulan kartel yang didakwa menguasai kontrak makanan institusi berkenaan.

Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, usaha itu dilakukan termasuk menerusi pemeriksaan mengejut atau 'terjah' ke MRSM selepas menerima banyak aduan daripada ibu bapa dan pelajar sejak beliau diberikan amanah itu tiga tahun lalu.

Menurutnya, antara maklumat yang diterima ketika itu ialah kewujudan kartel yang didakwa menguasai kontrak dewan selera.

"ALLAH SWT nak tunjuk tahun pertama banyak aduan ibu bapa bahkan pelajar sendiri di ruangan media sosial yang mengadu kualiti makanan dan kes-kes keracunan.

"Daripada aduan-aduan ini, saya bertekad untuk memecahkan kartel-kartel ini dan mula turun secara mengejut ke MRSM-MRSM atas nama terjah. Ternyata aduan-aduan ini ada asasnya," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Selasa.

Menerusi pemeriksaan mengejut berkenaan, beliau sendiri menyaksikan pelbagai insiden berkaitan tahap kebersihan dewan selera selain isu timbangan ikan dan saiz ayam yang didakwa tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.



Asyraf Wajdi (dua dari kanan) menyantuni pelajar di dewan selera MRSM Muar baru-baru ini.

Menurutnya, pemeriksaan itu turut memberi ruang kepada pelajar untuk menyampaikan sendiri aduan berkaitan kualiti makanan.

"Pelajar sendiri berani dan selesa mengadu apa jua yang terkait dengan kualiti makanan," katanya.

Asyraf Wajdi berkata, susulan itu, beliau turut mengarahkan serta memantau sendiri pihak pengurusan Mara dalam melaksanakan transformasi besar-besaran terhadap proses pemilihan tender makanan.

Katanya, tindakan tegas turut diambil sehingga kontrak tertentu ditamatkan apabila didapati tidak memenuhi kualiti perkhidmatan dan perjanjian yang ditetapkan.

"Jangan sedikit pun khuatir bahkan kena lawan asalkan segala tindakan dilakukan mengikut prosedur dan proses yang betul demi kemaslahatan anak-anak pelajar di bawah amanah Mara," katanya.

Ujar beliau, terdapat juga pihak yang mengambil tindakan undang-undang terhadap beliau dan Mara susulan tindakan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kebajikan pelajar perlu menjadi keutamaan kerana mereka merupakan aset penting negara pada masa depan.

Dalam hantaran sama, Asyraf Wajdi berkata, kebajikan pelajar di semua institusi pendidikan Mara (IPMA), termasuk MRSM, akan terus diberikan perhatian.

"Kebajikan anak-anak pelajar di semua IPMA termasuk MRSM adalah menjadi keutamaan kerana mereka adalah aset penting negara masa depan dan merupakan amanah bangsa untuk dicanai dengan baik demi kemaslahatan masa depan," katanya.